

Pendahuluan

Menjadi lumrah manusia mendambakan kehidupan yang mewah.

Banyak masyarakat yang terpaksa berhutang untuk mendapatkan kehidupan yang selesa.

Mereka yang berhutang hendaklah berkadar dengan sumber pendapatannya.

Pandangan Islam Mengenai Amalan Berhutang

Islam **tidak menggalakkan umatnya berhutang** atau membuat pinjaman kewangan dengan tujuan berlebihan

Budaya berhutang sangat **ditegah** dalam Islam kerana Islam merupakan agama yang mulia.

Islam menggalakkan umatnya menjalani hidup yang **bersederhana atau mengutamakan sikap qana'ah**.

Tabiat berhutang harus diperangi sebagaimana memerangi amalan kekufuran

Konsep Pinjaman Dalam Islam

Al-'ariyah	Al-qard
Pemberian satu barangan oleh pemberi pinjaman kepada peminjam.	Pinjaman yang melibatkan pemindahan pemilikan barangan
Hak pemilikannya kekal kepada pemberi pinjaman	Orang arab menyebut sebagai salaf iaitu pinjaman yang dibayar balik tanpa syarat keuntungan

Peminjam tidak bertanggungjawab terhadap susut nilai bagi barang tersebut kecuali kecuaiannya daripada peminjam.

Barang yang dipinjam hendaklah dipulangkan kepada tuannya	Penghutang mestilah memulangkan barangan dalam bentuk gantian
---	---

Definisi al-Qard

Bahasa : al-qat'u (potong)

Istilah : penyerahan suatu barang dengan syarat barang tersebut sama nilai tanpa sebarang tambahan apabila dipulangkan.

Al-Qard dikategorikan sebagai akad tabarru - kontrak berteraskan konsep kebajikan

Larangan Riba

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Larangan Riba

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Maksudnya : **Padahal Allah telah menghalalkan menjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. (Surah Al-Baqarah :275)** Allah SWT telah memberi peringatan kepada orang yang beriman agar tidak memakan riba Rasulullah melaknat orang yang memakan riba, yang menjadi agen, orang mencatat transaksi serta orang yang menjadi saksi Satu dirham riba dosanya melebihi tiga puluh enam kali melakukan maksiat zina.

Fatwa Pengharaman Riba

Setiap penambahan atau faedah hutang dan faedah yang ditetapkan pada awal kontrak pinjaman, kedua-duanya adalah riba dan ia **diharamkan** oleh hukum syara'.

Prinsip Al-Qard Al-Hassan

Islam mengharamkan sebarang pinjaman yang mempunyai faedah.

Al-qard al-Hassan bermaksud pinjaman yang baik

Peminjam hanya perlu membayar jumlah wang yang dipinjam tanpa faedah

Konsep kebaikan ini menjurus kepada sifat toleransi peminjam yang memberikan pinjaman wang kepada pemiutang dalam keadaan terdesak.

Dalil Pensyariatan

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضِعَّهُ لَهُ وَلَهُ أَجْرٌ كَرِيمٌ



By alyamursyidahh

Published 26th June, 2020.

Last updated 26th June, 2020.

Page 1 of 2.

Sponsored by **Readable.com**

Measure your website readability!

<https://readable.com>

Dalil Pensyariatan (cont)

Maksudnya : "Siapakah orangnya yang mahu memberikan pinjaman kepada Allah, sebagai pinjaman yang baik (ikhlas) supaya Allah melipat gandakan balasannya? Dan (selain itu) ia akan beroleh pahala yang besar."

Hukum Al-Qard Al-Hassan

Sunat	Harus	Tidak Harus
Memberi pinjaman kepada yang memerlukan	Berhutang untuk keselesaan hidup	Sekiranya pemiutang meminjam dengan tujuan yang haram atau maksia

Rukun al-Qard

Pemiutang (Pemberi pinjaman)	Barang yang dipinjam
Peminjam	Sighah

Objektif pelaksanaan al-Qard al-Hasan

Memabntu golongan yang memerlukan	Mengha-puskan diskri-minasi sosial dan ekonom
Merapatkan jurang perbezaan antara golongan kaya dan miskin	salah satu wasilah da'wah kepada golongan bukan Islam
Memupuk semangat persaudaraan	Mendapat keberkatan dan ganjaran berterusan dunia akhirat
Mengukuhkan sektor sosio ekonomi negara.	

Prinsip-prinsip umum ketika berhutang

Setiap hutang hendaklah ditulis / dicatat
Tidak boleh mengenakan sebarang faedah atau bayaran tambahan
Menyelesaikan semua hutang
Wajib dipulangkan dalam tempoh yang dijanjikan

Bantuan Kepada Asnaf al-Gharimin

Peranan Institusi Zakat	Contoh
Mering-anakan beban yang dihadapi oleh golongan asnaf	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan melalui Bahagian Baitulmal setiap tahun mengkh-ususkan peruntukan bagi membebaskan asnaf al-gha-rimin daripada belunggu hutang.
Mewujudkan keseim-bangan dalam aspek sosial dan ekonomi dalam masyarakat	Sebanyak RM1.4 juta diberikan kepada asnaf pada tahun 2007
Orang yang berhutang dengan bank dianggap berkemampuan untuk membayar wang yang dipinjam.	
Orang yang meminjam wang dengan ceti haram atau ah long tidak akan memberikan pinjaman	

Gejala Ceti Haram

Kegiatan ceti haram atau ah long amat bertentangan dengan ajaran Islam

Pinjaman yang dibuat akan dikenakan faedah atau bunga

Aktiviti ini dikaitkan dengan keganasan kerana mereka mengugut, mencederakan pinjaman, membunuh dan sebagainya.

Peminjam akan menghadapi tekanan jiwa kerana ugutan ah long tersebut

Kesimpulan

Kesannya, peminjam akan sengsara, risau dan tertekan kerana bebanan hutang

Walaupun Islam mengharuskan umatnya membuat pinjaman, namun ia tidak sepatutnya dijadikan amalan

Umat Islam digalakkan untuk bersyukur dan hidup bersed-erhana

Pelan pinjaman al-qard al-hasan wajar diketengahkan dan diperlu-uaskan lagi pelaksanaannya

Islam menganjurkan umatnya bijak menguruskan kehidupan mereka

